

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

Kerana sambutan Maulud maka jawatankuasa Maulud Syarif Singapura telah menjemput Kiyai Anwar Masood Kisain untuk memberi syarahan beliau telah berada di sini selama tiga hari dan sempat pula memberi khutbah Jumaat di Masjid Sultan Singapura yang sekalipun masa itu hujan tidak berhenti-hentinya turun dari pagi-pagi lagi tetapi Masjid Sultan telah penuh sesak hingga banyak pula yang sembahyang di tingkat atas. Sekiranya tidak hujan hari itu harus Masjid Sultan yang besar itu tidak akan muat oleh kerana ramainya.

Mengapa ramai orang datang? Jawabnya tidak lain kerana hendak mendengar satu khutbah yang berisi. Di dalam khutbahnya pada hari itu beliau telah meriwayatkan tentang bagaimana Nabi Ibrahim ‘alaihi al-salām telah meminta kepada Tuhan untuk melihat bagaimana Tuhan boleh menghidupkan manusia, supaya dengan memandang akan kejadian itu dapat lagi menguatkan keyakinan beliau. Permintaan itu telah diperkenankan Tuhan. Tuhan menurut riwayat tafsir yang diterangkan oleh Kiyai Masood menyuruh Nabi Ibrahim mengambil empat ekor binatang iaitu merak, gagak, merpati dan ayam jaguh. Binatang-binatang itu disembelih kemudian selain daripada kepalanya dicincang hancur hingga lumat bersama-sama dengan bulu-bulu mereka sekali. Semuanya bergaul menjadi satu.

Kemudian cincangan daripada empat burung itu diletakkan di atas empat bukit dan setelah diseru maka cincangan itu pun bercerai-cerai- berpisah mencari kawannya- bersatu -yang merak menjadi merak. Gagak menjadi gagak, merpati menjadi merpati dan seterusnya ayam jaguh menjadi ayam jaguh- setelah berkumpul semuanya lalu berlari menuju kepada Nabi Ibrahim yang memegang kepala

mereka-terus mereka menuju kepada kepala masing-masing dengan tidak bertukar di antara satu dengan lain. Nabi Ibrahim kehairanan melihat kejadian itu.

\* \* \*

Kiyai Masood menerangkan tentulah perkara memilih empat burung itu ada pula perkaitannya yang boleh diambil iktibar. Burung merak itu adalah seekor burung yang sentiasa memandang dirinya cantik, bulunya berkilat-kilat dan menunjukkan kemegahannya apabila berjumpa orang dengan mengorak ekornya terkembang seolah-olah menyatakan bahawa akulah yang lawa, akulah yang pandai. Sifat macam ini jika ada pada diri manusia hendaklah dicincang, dihapuskan kerana sifat bongkak, takbur dan sompong serta bermegah-megah dengan kelebihan diri itu sangat dicela oleh masyarakat dan pergaulan, apalagi oleh Islam.

\* \* \*

Berkenaan sifat burung gagak, diterangkan beliau, bahawa burung gagak itu suka memakan barang-barang yang kotor -sesuka merampas makanan, yang bukan haknya, suka menggarung (merompak atau merampas) hak kawan atau seumpamanya. Jika manusia mempunyai sifat-sifat tamak mengambil hak orang lain, suka merampas hak sesiapa pun maka sifat yang demikian haruslah dicincang, dihapuskan kerana kelakuan yang demikian itu membawa bencana kepada masyarakat dan keamanan.

\* \* \*

Sifat burung merpati pula diterangkan beliau, bahawa ia suka duduk di rumah-rumah yang cantik, senang duduk di rumah bersuka-suka dengan anak isteri, bersenang-senang di sana dengan tidak

sedikit pun memperdulikan keadaan di sekelilingnya dan masyarakatnya. Adapun keperluan di luar tidak ia akan ambil endah – yang diutamakannya ialah rumahnya dan alat-alat indah, makannya cukup dan isterinya cantik. Sifat yang semacam ini harus dicincang, dihapuskan daripada masyarakat.

\* \* \*

Ayam jaguh pula lain lagi keadaannya- pagi-pagi lagi apabila terang tanah dan keluar ia dari reban atau terjun dari atas pokok ia tidak mencari rezeki tetapi mengajar ayam-ayam betina di hadapan khalayak ramai untuk memuaskan hawa nafsunya. Kalau azan subuh berbunyi sifat manusia yang seperti ayam jaguh ini tidak akan bangun sembahyang tetapi membuat kerja memuaskan hawa nafsunya – dan di luar rumah pula ia mencari wanita-wanita untuk memuaskan kehendak hatinya, bermuda mudi, berjoget, dan seumpamanya di tengah-tengah terang, di tempat-tempat khalayak ramai dengan tidak sedikit pun mempunyai perasaan malu. Jika badan tidak kuat maka ia mencari ubat-ubat untuk menyampaikan hajat-hajatnya. Sifat yang serupa ini kalau ada pada diri manusia hendaklah disapu bersih – dicincang habis.

Sekianlah kandungan khutbah beliau yang menarik yang menjadikan ramai orang suka mendengarnya- kerana nasihat-nasihat beliau itu logik dan berkesan.

\* \* \*

Pada Jumaat kemudiannya, seminggu sesudah Kiyai Masood berkhutbah di Masjid Sultan itu, Tuan Haji Ali Cif Kadi Singapura telah naik membaca khutbah seperti biasa- dan dalam khutbahnya beliau dikatakan ada berkata bahawa mengapa hanya kalau orang-orang dari luar negeri membaca khutbah masjid penuh-tetapi kalau orang-orang itu tiada, masjid kosong, tidak ramai dikunjungi orang.

Orang-orang yang sembahyang tetap di Majid Sultan itu bersetuju atas kebenaran yang disebut oleh beliau itu tetapi mereka lebih suka yang demikian itu menjadi satu pengertian kepada diri beliau sendiri untuk memperbaiki atau “mengoreksi” diri sendiri. Di dalam masa beliau sakit dahulu khutbah di Masjid Sultan itu telah dibacakan oleh pemuda-pemuda yang diberi peluang oleh nazir-nazir di situ- dan Alhamdulillah boleh diakui telah mendapat sambutan yang baik sehingga tiap-tiap Jumaat masjid itu boleh dikata penuh- tidak seperti dalam masa beliau berkhutbah – banyak orang menunggu di tempat mengambil air sembahyang – naik sembahyang sesudah iqamah sahaja. Sebabnya patutlah beliau sendiri perhatikan- jangan menyalahkan orang lain- sebab beliau yang mengeluarkan – orang lain yang mendengar dapat mengukur apakah sesuai dengan keadaan dan digemari mereka kerana kalau mereka tidak faham dan tidak mengerti bertambah pula tidak menarik dan tidak bersemangat, sudah tentulah yang demikian terasa sakit oleh pendengar mereka. Hendaklah kita sekarang ingat apa ertiinya khutbah Jumaat itu kepada perbaikan masyarakat kita. “Gambar lama” – kata pemuda-pemuda yang duduk di tempat mengambil air sembahyang.

\* \* \*

Terbit daripada kunjungan-kunjungan rasmi ke Indonesia untuk merapatkan muhibbah di antara Indonesia dengan Singapura dan Malaya maka ada pula ura-ura hendak menghantarkan rombongan kebudayaan dari Singapura ke Indonesia dan harus pula dari Indonesia ke Singapura, ke mari. Cita-cita ini sebenarnya mulia dan berharga terutamanya jika diperhatikan pula bahawa kebudayaan di antara Indonesia-Malaya boleh dikata sama sahaja yakni jika dipertalikan dengan ikatan kebudayaan yang mengenai ke-Islaman. Orang-orang Melayu di Malaya adalah bersenda dengan orang-orang Indonesia – mereka terpisah hanya oleh peraturan-peraturan bangsa-bangsa (International). Maka dengan adanya keadaan-keadaan yang tidak dapat dinafikan itu

mustahak benar diperhati oleh kedua-dua belah pihak bahawa di dalam rombongan-rombongan kebudayaan Islam kerana dengan pertalian itulah lebih kukuh ikatannya daripada yang lain-lainnya.

\* \* \*

Dato' Abdul Razak, Menteri Pelajaran Persekutuan

Tanah Melayu, tatkala hendak melawat ke Indonesia seminggu lamanya dikatakan bahawa beliau akan menjalankan ikhtiarnya untuk memodenkan bahasa Melayu. Kalau memodenkan yakni menambah mana-mana yang tiada dengan mengadakan kata-kata baharu untuk perkembangan bahasa Melayu yang akan datang – tidaklah akan dibangkang oleh orang Melayu tetapi jika tujuannya mencampur adukkan bahasa Melayu sudah tentu cita-cita itu akan dibangkang oleh orang-orang Melayu.

\* \* \*

Rancangan Tunku hendak berjumpa Chin Peng (Setiausaha Agung Parti Komunis yang telah heboh itu) hingga masa menulis ini belum lagi tersiar beritanya untuk diadakan. Sebahagian orang yang berharap-harap supaya darurat tamat sebagaimana dijanjikan itu mulai gelisah kerana bukan hanya perkara itu tamat tetapi timbul pula puak-puak lain (khususnya di Singapura) yang menghendaki supaya Komunis itu dihalalkan sebagai pertubuhan biasa.

Sebagaimana yang pernah ditulis bahawa orang ramai memandang bahawa dengan bersetuju Tunku mengadakan rundingan itu disertai pula oleh Tuan Marshal dari Singapura dengan secara tidak rasmi dipandang telah mengakui pertubuhan Komunis di Malaya- yang bermakna, mengikut pandangan ini, ialah kekalahan politik pemerintah yang dipilih oleh rakyat. Marilah sama-sama kita lihat sampai ke mana kekalahan itu akan berlaku.

\* \* \*

Mengakui Komunis?! Inilah sekarang satu permintaan telah terbit setelah beberapa tahun lamanya Komunis diharamkan dan melarikan dirinya ke hutan untuk meneruskan perlawanan-ringkasnya untuk menumbangkan kerajaan yang ada. Mereka menjalankan langkah-langkah itu adalah sebagai satu tugas-satu kewajipan yang berdiri di belakangnya pemerintah-pemerintah penyokongnya untuk mengembangkan kekuasaan Komunis di mana-mana sahaja. Demokrasi rakyat adalah simbol yang utama disemboyangkan mereka. Untuk menyampaikan cita-cita demokrasi rakyat, pemogokan di sana sini berlaku supaya keadaan negeri tidak aman. Penduduk gelisah; dan seperti teladan-teladan yang telah ada mereka mencari kekuasaan dan apabila sekali mereka dapat kuasa maka janganlah diharap lagi ada demokrasi kerana apabila telah ada kuasa di tangan mereka segala kebebasan tidak akan dapat lagi oleh orang-orang awam. Dengan keterangan yang demikian ini adakah kerajaan hendak mengiktiraf parti Komunis itu? Hai-hai beringat-ingatlah!

\* \* \*

Sebahagian pihak tidak senang akan adanya undang-undang keselamatan di Singapura dengan mengatakan bahawa undang-undang itu menyekat kebebasan bergerak orang-orang di Singapura. Pendapat ini menurut sebahagian pihak, adalah pandangan “segelintir” orang yang sengaja hendak mengambil peluang supaya berleluasa mempengaruhi rakyat dengan kata-kata yang bercorak anti penjajah tetapi hakikatnya hendak menanam satu penjajahan lain di negeri ini. Rakyat am sebenarnya telah jelik melihat pemboikotan-pemboikotan yang dibuat atau yang dilakukan itu kerana semuanya bukan untuk kelapangan hidup mereka tetapi menambah kesusahan dan kepayahan kepada mereka. Dengan kerana itu mereka bertanya “Bilakah kerajaan buruh sekarang dapat memberhentikan kesusahan ini?!”